

1,278 kes jenayah komersial dicatatkan

Kuching: Jumlah kes jenayah komersial dicatat di Sarawak dalam enam bulan pertama tahun ini menurun berbanding tempoh yang sama tahun lalu, namun jumlah kerugian yang dilaporkan meningkat.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri berkata, 1,278 kes dilaporkan membabitkan kerugian RM36 juta dalam tempoh berkenaan tahun ini berbanding 1,451 kes dengan kerugian RM30.5 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

"Kes penipuan menerusi internet, menyamar, tawaran pekerjaan serta sindiket Macau Scam merupakan antara jenayah komersial tertinggi dilaporkan tahun ini," katanya dalam sidang media selepas majlis Perhimpunan Bulanan Polis Sarawak, di sini, semalam.

Katanya, jenayah komersial menerusi Internet mencatatkan jumlah mangsa paling ramai dengan 236 kes mengakibatkan kerugian RM1.3 juta, diikuti 128 kes menyamar dengan kerugian RM3.6 juta dan 119 kes tawaran pekerjaan palsu membabitkan kerugian RM1.5 juta.

236

Kes jenayah komersial menerusi Internet dengan kerugian RM1.3j

"Bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun tahun ini, Macau Scam pula ada 118 kes dengan kerugian RM8 juta serta pinjaman tidak wujud 117 kes dengan kerugian RM1.4 juta," katanya.

Bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa kes jenayah komersial ini, Mohd Azman meminta orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam mengakses mana-mana laman web dengan tidak mendedahkan maklumat peribadi kepada individu tidak dikenali.

"Tamatkan segera panggilan telefon jika dihubungi panggilan misteri yang berbicara mengenai wang atau maklumat perbankan," katanya.

Secara keseluruhan, katanya, statistik jenayah indeks negeri ini mengalami penurunan sebanyak 447 kes atau 19 peratus berbanding tahun lalu bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun lalu.